

KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

(Professional Learning Community through the Islamic Perspective)

¹MUHAMMAD FAIZAL A. GHANI¹

¹NORFARIZA MOHD RADZI

¹HUSAINA BANU KENAYATHULLA

¹SAEDAH SIRAJ

²GARY C. CROW

³FAISOL ELHAM

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

²Indiana University, USA

³Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

ABSTRAK

Pendidikan adalah faktor penyumbang utama kepada kejayaan sesebuah bangsa. Terdapat perkaitan yang rapat antara pendidikan yang diterima oleh rakyat sesebuah negara dengan kejayaan masa depan negara tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat perspektif yang berbeza dalam membangunkan negara melalui perkembangan pengetahuan. Islam juga mempunyai perspektif tersendiri yang telah dimulakan sejak berabad yang lalu. Kini, usaha sedang dibangunkan oleh masyarakat barat disebabkan kecuaiian masyarakat Islam, sebagai contoh, amalan komuniti pembelajaran profesional. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan amalan pembelajaran daripada perspektif Islam.

Kata Kunci: Pendidikan, Komuniti Profesional Pembelajaran, Perspektif Islam

ABSTRACT

Education is a major contributing factor to the success of a nation. There is a close relationship between the education received by the people of a country and the future success of the country. However, there is a distinct perspective in developing countries toward the development of knowledge. Islam also has

its own unique perspective that began centuries ago. Currently, efforts to develop knowledge have mainly taken place in Western societies rather than in Muslim communities, for instance in the matter of professional learning communities. Therefore, this article aims to discuss the practice of learning from the Islamic perspective.

Keywords: Education, Professional Learning Community, Islamic perspective

PENGENALAN

Istilah komuniti pembelajaran menjadi semakin menarik untuk digunakan dalam sorotan kajian lampau dalam bidang pendidikan. Hal tersebut disebabkan istilah komuniti pembelajaran sering dikaitkan dengan usaha pihak sekolah untuk melaksanakan penambahbaikan (Boyd & Hord 2012). Sebenarnya, idea mengenai komuniti pembelajaran merupakan satu adaptasi daripada konsep pembelajaran organisasi yang diperkenalkan oleh Senge pada tahun 1990.

Senge menjelaskan seperti berikut, “organisasi pembelajaran melibatkan manusia berhubungan antara satu sama lain bagi membentuk pemikiran kreatif ... individu tersebut juga belajar dalam satu buah pasukan dan secara berterusan” (Senge 1990). Manakala, komuniti pembelajaran melibatkan permuafakatan dalam kalangan ahli seperti mana kemesraan yang ditunjukkan dalam sesebuah keluarga, jiran atau sebarang kumpulan yang memiliki perhubungan rapat dan cenderung menjadi keluarga dengan niat yang murni (Sergiovanni 2000). Kruse dan Louis (1993) menggambarkan amalan tersebut dengan menyatakan guru berhubungan antara satu sama lain dalam melaksanakan refleksi pengajaran. Dengan kata lain, amalan guru adalah dikongsi bersama-sama rakan sejawat mereka menerusi bekerja dalam satu buah pasukan, kolaboratif dan memiliki norma serta nilai yang sama (Sergiovanni 2000).

Berpandukan perbincangan di atas, jelas menunjukkan pengkaji barat khususnya di negara maju, sentiasa mengkaji strategi untuk meningkatkan pembelajaran murid. Dalam menggambarkan kenyataan tersebut, Halloran (2011) menyatakan pengkaji barat sentiasa memperbaharui dapatan kajian mereka disebabkan penggunaan kaedah kajian yang semakin sistematik dan terkini. Berbanding negara Islam, kualiti pendidikan di negara tersebut jauh ketinggalan berbanding agama lain dan keadaan tersebut perlu kepada tindakan segera (World Bank Report 2008).

Hakikatnya, lebih seribu tahun lalu, Islam telah menyarankan umatnya untuk menuntut ilmu. Kenyataan tersebut disokong dengan firman Allah dalam surah at-Taubah, ayat 122, seperti mana terjemahan berikut.

“Dan tidaklah betul dan elok orang yang beriman keluar semuanya pergi berperang. Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari setiap puak antara mereka supaya orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama supaya mereka dapat mengajar kaumnya yang keluar berjuang apabila orang itu kembali kepada mereka. Semoga mereka dapat berjaga-jaga dari melakukan larangan Allah”.

Malah, masyarakat Islam telah membangunkan tamadun mereka sejak awal abad ke-7 masihi. Mulyadhi Kartanegara (2002) menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan kebangkitan tamadun Islam pada abad ke-7 menandakan bermulanya tamadun kemanusiaan di dunia. Selanjutnya, masyarakat Eropah telah membangkitkan tamadun yang kedua pada abad ke-16 dan diharapkan masyarakat Islam akan bangkit semula pada abad ke-21. Kebangkitan tersebut menggambarkan bermulanya keagungan corak hidup dan ketinggian ilmu pengetahuan sesebuah bangsa (Abd al-Rahman 2004). Khalif Muammar (2006) turut menterjemahkan gambaran tersebut melalui rumusan Muhammad Iqbal mengenai ketinggian tamadun Islam dan semangat bekerja dalam satu buah pasukan pada abad ke-7.

“Orang Timur pada masa Ibn Khaldun jauh lebih maju daripada orang Barat. Hal ini disebabkan adanya pendidikan dan aktiviti ilmiah yang diuruskan dalam semangat kerjasama. Disebabkan itu orang Barat pergi (*rihlat*) ke Timur untuk menuntut ilmu pengetahuan”.

Berpandukan fenomena di atas, timbul persoalan seperti berikut. Adakah segala amalan terbaik (seperti komuniti pembelajaran profesional) dalam masyarakat barat tidak dianjurkan Islam untuk penganutnya melaksanakan amalan tersebut? Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep komuniti pembelajaran profesional dalam perspektif Islam. Perbincangan dalam artikel ini juga diharapkan dapat menimbulkan kesedaran terhadap masyarakat Islam terhadap pesanan Al Maududi seperti mana berikut, “setiap amalan baik adalah peninggalan umat Islam yang kecil dan perlu dikutip semula” (Rahman, Fazlur 2002).

KONSEP KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Komuniti pembelajaran profesional (KPP) merupakan salah satu amalan penambahbaikan sekolah bagi menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian murid (Fullan 2001; Hord 1997; McLaughlin & Talbert 2001; Senge, Cambron-McCabe, Lucas, Smith, Dulton & Kleiner 2000). Dengan kata lain, kebanyakan sekolah melaksanakan KPP sebagai amalan asas dalam aktiviti penambahbaikan sekolah (Schmoker 2006). Untuk mencapai hasrat

tersebut, persekitaran pembelajaran yang kondusif disediakan untuk staf sekolah membangunkan profesionalisme mereka agar sekolah berupaya melakukan perubahan dan penambahbaikan secara menyeluruh (Hord 1997).

Dalam memberikan pengertian yang lebih jelas mengenai KPP, Hord (1997) meng gambarkannya sebagai sebuah sekolah yang melibatkan profesional sekolah (iaitu pentadbir dan guru) dalam mencari ilmu dan berkongsi pembelajaran secara berterusan untuk meningkatkan pencapaian murid dan mengamalkan ilmu yang dipelajari mereka. Tambah Hord (1997) lagi, sesebuah sekolah yang mengamalkan KPP memiliki ciri-ciri seperti mana berikut iaitu (a) mempunyai kepimpinan distribusi dan menyokong, (b) perkongsian visi dan misi, (c) pembelajaran secara kolektif dan mengamalkan pembelajaran tersebut, (d) persekitaran yang menyokong, dan (e) perkongsian amalan peribadi.

Menurut Eaker, DuFour dan DuFour (2002) pula, KPP adalah satu proses membina kapasiti dalam kalangan profesional sekolah bagi menghadapi cabaran berkaitan peningkatan pembelajaran murid. Usaha tersebut dilaksanakan menerusi penyediaan persekitaran pembelajaran dalam kalangan staf sekolah secara berterusan. Selanjutnya, Fleming (2001) menyatakan KPP merupakan satu aktiviti yang melibatkan pentadbir dan guru sekolah dalam mengumpulkan maklumat, membuat keputusan dan melaksanakan keputusan tersebut. Mereka aktif dengan aktiviti pembelajaran dan bersedia untuk menerima idea baru.

Ringkasnya, KPP merupakan salah satu aktiviti penambahbaikan sekolah. KPP juga melibatkan pentadbir dan guru untuk meningkatkan profesionalisme mereka menerusi aktiviti pembelajaran dan mengamalkan pengetahuan tersebut secara kolaboratif. Hasil KPP adalah meningkatkan pencapaian murid menerusi aktiviti pembelajaran.

IDEA UTAMA MENGENAI KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Idea untuk menambah baik sesebuah sekolah dengan membangunkan komuniti pembelajaran profesional merupakan suatu *trend* terkini di kebanyakan negara. Manusia menggunakan istilah tersebut untuk menggambarkan sebuah gabungan individu dengan satu matlamat yang sama dalam pendidikan. DuFour (2004) menjelaskan kenyataan di atas dengan pandangan beliau seperti mana berikut, “untuk mewujudkan sebuah komuniti pembelajaran profesional, tumpuan perlu diberikan kepada pembelajaran berbanding pengajaran, bekerja secara kolaborasi dan bertanggungjawab untuk mendapatkan hasilnya”.

Namun kini, pelaksanaan KPP menghadapi sedikit cabaran. KPP sering menghadapi kejatuhan ketika pertumbuhannya. Eaker, DuFour dan DuFour (2002) menggambarkan fenomena tersebut dengan mengambil contoh kitaran

semula sesebuah produk. Pada peringkat permulaan, timbul kekeliruan dalam kalangan pengamal mengenai konsep asas KPP. Akibatnya, masalah akan timbul ketika pelaksanaan KPP dan berakhir dengan kegagalan sesebuah sekolah untuk mencapai matlamat KPP. Implikasinya, pengkaji akan berterusan melakukan kajian untuk memperoleh dapatan yang berupaya membantu pelaksanaan semula KPP. Walau bagaimanapun, kitaran semula seperti mana di atas berupaya diatasi dengan refleksi guru terhadap tiga idea utama mengenai KPP seperti mana berikut yang disarankan oleh DuFour (2004).

(a) Idea Pertama: Memastikan murid belajar

Konsep KPP mengandaikan murid bukan sahaja mempunyai hak untuk menghadiri sesi pengajaran guru, malah mereka turut berhak untuk belajar. Hal ini bermaksud pihak sekolah dilatih untuk melakukan perubahan dengan tumpuan daripada pengajaran kepada pembelajaran (Fullan 2002). Justeru, motto “Pembelajaran Untuk Semua” bagi sesetengah sekolah perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan berbanding paparannya untuk menyedapkan hati mereka yang melihat.

Selanjutnya, setelah murid diberikan hak untuk belajar, pihak sekolah seharusnya menjawab soalan berikut iaitu:

- (i) Apakah yang kita hendak untuk murid belajar?;
- (ii) Bagaimanakah caranya untuk mengenal pasti murid yang telah mempelajari sesuatu pengetahuan?; dan
- (iii) Bagaimanakah kita menghadapi murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan?

Untuk menjawab soalan ketiga, sekolah yang melaksanakan KPP seharusnya menghadapi jenis murid tersebut dengan mematuhi cadangan Marzano (2003) seperti mana berikut.

- (i) Segera mengatasi fenomena dengan mengenal pasti murid yang memerlukan waktu dan motivasi tambahan;
- (ii) Tumpuan kepada tindakan pencegahan segera berbanding menunggu murid untuk ditempatkan dalam kursus pemulihan ketika cuti sekolah; dan
- (iii) Arahan segera kepada murid yang mempunyai tahap kecerdasan berlainan untuk mereka meluangkan waktu tambahan dan menerima bimbingan sehingga mereka menguasai sesuatu pengetahuan.

(b) Idea Kedua: Budaya kolaborasi

Sesebuah sekolah yang mengamalkan KPP seharusnya menyedari kepentingan bekerja secara berpasukan. Justeru, pihak sekolah perlu mewujudkan budaya kolaborasi. Namun, sesetengah sekolah kurang menggalakkan guru untuk mewujudkan budaya kolaborasi (Boyd & Hord 2012). Misalnya, guru bekerja secara berasingan. Pihak sekolah menggalakkan guru melaksanakan amalan kolaborasi tetapi keupayaan guru untuk melaksanakan adalah terhad. Terdapat juga sesebuah sekolah yang melaksanakan aktiviti sekolah secara berasingan misalnya penubuhan jawatankuasa disiplin dan teknologi serta tiada dialog profesional antara mereka.

Hakikatnya, sebuah kolaborasi yang mantap dalam KPP memerlukan suatu proses yang sistematik melibatkan guru bekerja dalam satu pasukan untuk menganalisis dan menambah baik amalan dalam bilik darjah (McLaughlin & Talbert 2001). Dengan kata lain, guru perlu bekerja dalam satu pasukan yang berterusan sehingga mewujudkan sebuah pasukan pembelajaran. Implikasinya, usaha tersebut menghasilkan peningkatan dalam pencapaian murid (Fullan 2001).

Di samping itu juga, dalam usaha mewujudkan keberkesanan budaya kolaborasi dalam kalangan guru, sesetengah amalan perlu ditamatkan bagi kepentingan murid (DuFour 2004). Misalnya, pihak sekolah perlu mengutamakan kurikulum yang telah diubah suai oleh sekolah berdasarkan tahap kecergasan murid berbanding melaksanakan kurikulum piawai yang dibentuk oleh kerajaan dan meningkatkan keciciran dalam kalangan murid (Marzano 2003). Dengan kata lain, pihak sekolah perlu menjawab soalan berikut, “apa yang dijangkakan oleh pihak sekolah untuk mengajar murid?” dan “bagaimanakah pihak sekolah mengetahui setiap murid telah menguasai asas pembelajaran?”

Justeru, warga sekolah seharusnya berhenti daripada memberikan alasan negatif untuk melaksanakan kolaborasi dengan jayanya. Kenyataan tersebut disokong oleh Barth (1991) seperti mana berikut.

“Adakah guru dan pihak pentadbiran berkemampuan untuk menerima kenyataan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada masalah?... Tuhan tidak mewujudkan bilik darjah dan lima puluh minit waktu pengajaran dan pengajaran yang dilaksanakan secara berasingan. Sebenarnya, kita (guru dan pihak pentadbiran) yang melaksanakan hal tersebut kerana kita berasa selesa dengan bekerja seorang diri, malah, lebih berkesan hasilnya jika dilaksanakan dalam satu pasukan”.

(c) Idea Ketiga: Tumpuan kepada Hasilan

Keberkesanan KPP adalah berdasarkan hasilannya. Untuk mencapai hasrat tersebut, bekerja dalam satu pasukan merupakan satu kemestian bagi warga sekolah. Mereka seharusnya bekerja secara berterusan untuk mengenal pasti pencapaian semasa murid dan seterusnya menyediakan laporan secara berkala (McLaughlin & Talbert 2001). Dengan kata lain, konsep “Kaya Data dan Kurang Maklumat” tidak seharusnya berlaku di sekolah. Justeru, pihak sekolah bukan sahaja mengalu-alukan guru menyediakan data tetapi mengguna pakai data tersebut untuk ditukar menjadi maklumat berguna dan berkaitan dengan usaha meningkatkan pencapaian murid (Fleming 2002). Dalam hal ini, guru perlu menilai pencapaian murid secara formatif dengan menggabungkan segala aspek berikut bersama-sama rakan mereka iaitu idea, bahan bantu mengajar, strategi dan bakat (Barth 1991).

Malah, guru tidak seharusnya mengehadkan usaha sekolah untuk melaksanakan proses penambahbaikan dengan masalah disiplin murid, kekangan masa yang dimiliki guru dan pelbagai pekeliling kerajaan yang membebankan mereka (Fleming 2002). Mereka seharusnya mengutamakan matlamat terpenting sekolah iaitu meningkatkan pencapaian murid. Selanjutnya, melaksanakan matlamat tersebut secara berpasukan (Marzano 2003) serta bersungguh-sungguh untuk mengekalkan pelaksanaan KPP (DuFour 2004). Dalam mencapai matlamat tersebut, warga sekolah perlu memberikan tumpuan kepada pembelajaran berbanding pengajaran, bekerja dalam satu pasukan khususnya mengenai pembelajaran dan menumpukan hasilan bagi mengetahui kedudukan semasa untuk melaksanakan proses penambahbaikan selanjutnya (Barth 1991).

Kesimpulannya, asas keberkesanan KPP adalah memenuhi hak murid untuk belajar, warga sekolah bekerja secara kolaborasi dan pihak sekolah perlu memberikan tumpuan kepada hasilan KPP bagi mengenal pasti kedudukan semasa keberkesanan KPP.

ISLAM DAN TUNTUTAN TERHADAP MENUNTUT ILMU

Kedatangan Islam ke muka bumi ini menggesa umatnya memuliakan, menuntut, menyebarkan dan melaksanakan ilmu. Kenyataan tersebut bertepatan dengan wahyu pertama Allah dalam surah Al-‘Alaq mengenai kewajipan menuntut ilmu. Dengan kata lain, agama Islam tertegak atas dasar ilmu atau pengetahuan. Hal tersebut bermaksud tanpa ilmu dan pengetahuan umat Islam tidak berupaya untuk mengenal Khaliq. Malah, perkataan ilmu dinyatakan dalam Al Quran lebih kurang 750 kali (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus1993).

Di samping itu juga, orang berilmu diberikan pujian dan dipandang mulia di sisi Islam. Pandangan tersebut disebutkan dalam Al Quran seperti mana berikut dalam Al Quran dan Terjemahnya karangan Soenarjo, Hasbi Ashshiddiqi, Bustami A. Gani, Muchtar Jahya, Toha Yahya, Mukti Ali, Kamal Muchtar, Ghazali Thaib, Musaddad, Ali Maksum & Busjaini Madjidi (1971).

- (a) Surah Az-Zumar, ayat 9 yang bermaksud, “katakanlah, adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu”;
- (b) Surah Al Baqarah, ayat 269 yang bermaksud, “Allah memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan orang yang diberikan ilmu atau pengetahuan bererti ia telah diberikan kebaikan yang banyak”; dan
- (c) Surah Al Faatir, ayat 28 yang bermaksud, “hanya orang yang takut kepada Allah ialah orang yang berilmu”.

Ringkasnya, Islam tertegak di atas dasar ilmu atau pengetahuan. Melalui ilmu, umat Islam dapat mengenal pasti perkara yang hak dan kebatilan. Justeru, menuntut ilmu merupakan satu proses yang dituntut bagi setiap umat Islam. Implikasinya, penuntut ilmu dipandang mulia di sisi Allah. Selanjutnya, perbincangan mengenai Islam dan ilmu dinyatakan seperti berikut.

KONSEP ILMU DALAM ISLAM

Konsep ilmu dalam Islam merujuk kepada pemilik hakiki terhadap ilmu adalah Allah S.W.T. Manakala, manusia merupakan penerima ilmu dalam jumlah yang sedikit. Namun, ilmu yang sedikit sangat bermakna di sisi Allah sekiranya seseorang individu mengamalkan ilmu tersebut sehingga membawa kepada tahap ketaqwaan yang tinggi. Untuk mencapai hasrat tersebut, ilmu perlu dipelajari dan dikembangkan berdasarkan tauhid dan disertakan integrasi iman, kemanfaatan ilmu, amalan yang soleh dan akhlak yang mulia (Mohd. Kamal Hassan 1998).

Justeru, semua pancaindera zahir dan batin yang dijadikan oleh Allah adalah bermatlamatkan pencarian ilmu yang benar. Lantaran itu manusia yang tidak menggunakan pancaindera tersebut untuk mendapatkan ilmu sebenar akan dikutuk oleh Allah. Hal tersebut difirmankan oleh Allah S.W.T dalam surah Al-A’raf, ayat 179, seperti mana terjemahan berikut.

“Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahanam kebanyakan Jin dan manusia, bagi mereka ada jantung hati (tetapi) tidak mengerti dengannya, dan bagi mereka ada mata (tetapi) tidak melihat dengannya, dan bagi mereka ada telinga (tetapi) tidak mendengar dengannya. Mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat. Mereka itulah orang-orang yang lemah.”

Ringkasnya, konsep ilmu dalam Islam adalah Allah sebagai pemilik hakiki segala ilmu dan manusia merupakan penyampai kepada ilmu tersebut dengan kuantiti penerimaan ilmu yang sedikit.

HUKUM MENUNTUT ILMU DALAM ISLAM

Terdapat banyak suruhan berbentuk firman Allah dan hadis Rasulullah mengenai kewajipan menuntut ilmu. Islam menghendaki golongan lelaki mahupun wanita untuk menuntut ilmu agar mereka menjadi umat yang proaktif serta jauh daripada kejahilan. Misalnya, sabdaan Rasulullah daripada riwayat Anas bin Malik maksudnya, “menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib bagi setiap orang Islam”. Begitu juga dengan sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ibnu Abdulbari yang bermaksud, “menuntut ilmu adalah fardhu bagi setiap muslim, baik laki-laki maupun perempuan”.

Manakala, suruhan menuntut ilmu turut ditegaskan oleh Allah dalam surah 103, Al-Ashr yang bermaksud, “demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menepati kesabaran” (Soenarjo et al. 1971).

Berdasarkan firman Allah dan hadis di atas, Islam amat menuntut umatnya untuk menuntut ilmu khususnya firman Allah dalam surah Al-Ashr. Allah telah bersumpah dengan masa atau waktu yang di dalamnya terjadi peristiwa yang baik mahupun buruk. Dalam hal ini, Allah telah bersumpah bahawa setiap manusia sama ada beragama Islam mahupun tidak beragama Islam pasti akan mengalami kerugian kecuali yang memiliki empat sifat berikut iaitu iman, amal soleh, saling menasihati untuk kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran (Syaikh Muhammad Shalih al Utsaimin 1998). Dalam membincangkan secara lanjut mengenai hukum menuntut ilmu, Amir A. Rahman (1991) dan H. Moh. Rifai (1996) telah memperincikan tuntutan tersebut melalui contoh yang jelas seperti mana berikut.

- (a) Fardhu ‘ain yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ilmu yang berkaitan rukun iman, hukum hakam dan yang berkaitan dengan pergaulan dan muamalah seharian. Ilmu ini wajib dipelajari oleh mukallaf. Tuntutan tersebut bagi meluruskan ‘aqidah yang wajib dipercayai oleh seluruh muslimin serta melaksanakan ibadat yang difardhukan atasnya seperti solat, puasa, zakat dan haji. Di samping itu juga, seseorang individu Muslim perlu mempelajari ilmu akhlak untuk memelihara adab sopan santun serta ilmu berumah tangga; dan

- (b) Fardhu kifayah pula ialah bidang ilmu yang luas dan sering berjalan seiring dengan perkembangan zaman. Sebahagian umat Islam diwajibkan untuk mempelajarinya agar tidak memberikan kesan buruk kepada masyarakat Islam yang lain. Dengan kata lain, Islam mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu dunia yang berupaya memberikan manfaat dalam kehidupan mereka di dunia serta selaras dengan tuntutan agama (Mohd. Kamal Hassan 1998). Implikasinya, mereka tidak akan ketinggalan dengan arus perkembangan ilmu pengetahuan yang dapat membawa kemajuan (Abd al-Rahman 2004).

Selanjutnya, kewajiban menuntut ilmu akan menjadi fardhu kifayah sekiranya terdapat sekelompok masyarakat yang telah mempelajarinya dan kewajiban bagi kelompok lain untuk mempelajarinya telah gugur. Jami Bayanil Ilmi dalam Umar Yusuf Abdil Barr (2001) telah menyokong kenyataan tersebut dengan berkata, “ulama telah berijma’ bahwa antara ilmu itu ada yang fardhu ‘ain, wajib atas setiap orang pada dirinya. Dan ada yang fardhu kifayah, sekiranya ada yang telah melakukannya maka gugur kewajiban itu bagi yang lain di daerah itu”.

Untuk gambaran yang lebih jelas telah diutarakan beberapa pandangan ulama sepertimana tercatat kitab lama Islam.

- (a) Ibnu Utsaimin telah menjelaskan, “menuntut ilmu syariat adalah fardhu kifayah jika sebahagian kelompok masyarakat telah melakukannya. Dengan kata lain, kelompok masyarakat yang lain hukumnya sunat... Namun, hukum bertukar menjadi fardhu ain ke atas seseorang individu sekiranya beliau ingin mengetahui kaedah melaksanakan ibadat dan muamalat” (Muhammad Shalih Al Utsaimin 1991);
- (b) Menurut Imam Ahmad (Rahimahullah) ilmu yang wajib dituntut oleh seseorang individu Islam adalah bertujuan menegakkan agamanya. Lalu, Imam Ahmad ditanya, “adakah seluruh ilmu bertujuan menegakkan agama?”. Beliau menjawab, ilmu yang wajib atas dirinya maka wajib ia menuntutnya”. Beliau ditanya lagi, “apakah misalannya?” Jawab Imam Ahmad, “ilmu yang menghindarinya daripada jahil dalam urusan solatnya, puasanya dan yang berkaitan dengan rukun iman dan Islam” (Amir A. Rahman 1991; Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998);
- (c) Selanjutnya, Syaikh Abdurrahman An Najdy (Rahimahullah) telah mengupas pandangan Imam Ahmad dengan menyatakan seperti mana berikut, “ilmu yang wajib ke atas manusia untuk mengamalkannya adalah ilmu asas mengenai iman, syariat Islam, perkara yang wajib ditinggalkan mengenai yang haram, muamalat dan sebagainya. Hal ini bermaksud tidak sempurna iman, ibadat dan akhlak seseorang kecuali dengan ilmu tersebut. Justeru, wajib bagi individu tersebut

untuk mempelajarinya” (Amir A. Rahman 1991; Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998); dan

- (d) Manakala, menurut Syaikh Abdurrahman An Najdy (Rahimahullah) menyatakan fardhu kifayah seperti mana berikut, “lain halnya dengan sesuatu yang lebih dari itu (yakni yang fardhu ‘ain) maka itu termasuk fardhu kifayah. Jika dalam sesebuah kumpulan masyarakat ada mempelajarinya maka dosa untuk tidak mempelajarinya gugur bagi yang lain” (Amir A. Rahman 1991; Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998).

Kesimpulannya, Islam menuntut umatnya untuk mempelajari sesuatu ilmu bagi mengatasi masalah kejahilan terhadap diri sendiri dan masyarakat Islam. Justeru, hukum menuntut ilmu dalam Islam adalah bergantung kepada jenis ilmu iaitu ilmu fardu ‘ain dan fardhu kifayah. Bagi ilmu fardu ‘ain, wajib bagi setiap individu untuk mempelajarinya bagi mengatasi kejahilan mengenai ketuhanan mereka. Manakala, ilmu fardhu kifayah sebagai pelengkap kepada kehidupan seseorang individu dan memadai bagi sekumpulan individu untuk mempelajarinya bagi melepaskan tuntutan kepada kumpulan yang lain.

PERKEMBANGAN MASYARAKAT ISLAM DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Bahagian ini membincangkan perkembangan masyarakat Islam dalam bidang pendidikan yang berfokus ke zaman kegemilangan dan terkini umat Islam. Perbincangan tersebut adalah seperti mana berikut.


(a) Zaman Kegemilangan Masyarakat Islam dalam bidang Pendidikan

Islam merupakan agama fitrah yang menepati keperluan dan naluri hidup manusia. Kepentingan ilmu dalam Islam tidak dapat disangkal kerana tanpa ilmu manusia tidak berupaya melakukan sebarang aktiviti kerana ilmu dijadikan asas panduan pelaksanaannya. Namun, berdasarkan perspektif Islam, dengan ilmu pengetahuan manusia berupaya mengenal kewujudan Allah yang membawa mereka kepada tahap keimanan dan ketakwaan yang tinggi. Misalnya, Allah telah berfirman dalam surah Al-Fathir, ayat 28 yang bermaksud, “hanya yang takut pada Allah itu antara hamba-Nya adalah ulama (orang yang berilmu)”. Malah, di dalam al-Quran terdapat lebih 750 ayat menggalakkan masyarakat Islam supaya belajar, memuhasabah dan menggunakan akal dengan cekap dan berkesan bagi mencari kebenaran yang sebenar (Ahmad Yahya 2009).

Rasulullah turut menggalakkan umat Islam menguasai ilmu pengetahuan agar menjadi agung di mata dunia dan menjadi teladan kepada umat yang lain.

Misalnya, Rasulullah SAW daripada riwayat Al Tabrani telah bersabda seperti mana berikut, “mulakan pagimu sebagai seorang guru atau pelajar atau pendengar atau orang yang mencintai ilmu. Jangan kamu menjadi orang yang kelima, nescaya kamu akan binasa”. Begitu juga dengan sabdaan Rasulullah seperti mana berikut, “masalah dunia (negara) akan tercapai dengan menggunakan kecerdasan akal dan keruntuhan dunia adalah kerana kejahilan (kebodohan).” Malah, Wan Mohd. Nor (1997) berkata “golongan manusia yang hanya mempunyai kekuatan bersifat fizikal seperti tenaga manusia atau kekuatan ketenteraan sebenarnya bukanlah menonjolkan sebuah kekuatan hakiki tetapi berpandukan daripada sejarah tamadun manusia, seringkali kita saksikan bahawa sesebuah bangsa yang kuat tetapi tidak diasaskan oleh budaya ilmu yang baik, akan memeluk dan menganut nilai dan ciri tamadun lain yang ditaklukinya itu”.

Berasaskan kenyataan terdahulu, dapat diberikan gambaran jelas bahawa Islam menekankan kepentingan ilmu dan nilai. Dua buah komponen tersebut tidak dapat dipisahkan bagi melahirkan insan yang sempurna. Dengan kata lain, seseorang penuntut ilmu akan semakin bertaqwa kepada Allah dengan tahap pemilikan ilmu yang tinggi. Permulaan tamadun Islam adalah pada zaman Rasulullah dengan pembinaan bangunan setibanya baginda di Madinah (Ahmad Yahya 2009). Bangunan yang dibina baginda amat sinonim dengan nilai yang perlu dipupuk oleh masyarakat Islam. Dalam memberikan gambaran jelas, Mohd



Rajah 1. Zaman Permulaan, Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam

Sumber. Ahmad Yahya (2009). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Radzali Masrun (2004) menyatakan pembinaan masjid di Madinah melambangkan penekanan Rasulullah kepada pembentukan kebendaan dan kerohanian dalam kalangan masyarakat Islam. Selanjutnya, kemuncak kegemilangan masyarakat Islam dalam pendidikan bermula tahun 750 masihi pada zaman Kerajaan Abbasiyyah khususnya pemerintahan Harun Al-Rashid dan al-Makmun. Manakala, mulai tahun 1492 bermulanya kejatuhan kegemilangan Islam. Kenyataan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 1. Namun, perbincangan bahagian ini tertumpu ke zaman kegemilangan Islam.

Dalam Rajah 1, kegemilangan tamadun Islam ditunjukkan ketika bermulanya zaman kerajaan Abbasiyyah pada tahun 750 masihi. Ketika zaman tersebut, ramai tokoh ulama telah dilahirkan dan mereka menyumbang kepada perkembangan sains kepada masyarakat Islam. Gambaran tersebut dinyatakan oleh Mohd Radzali Masrun (2004) bahawa sumbangan pemikiran tokoh ulama Islam bukan sahaja menjadi rujukan utama di universiti di negara Eropah tetapi mendapat tempat dan penghargaan tinggi dalam kalangan sarjana dan orientalis barat. Mereka turut menterjemahkan secara besar-besaran rujukan tersebut (Ahmad Yahya 2009). Implikasinya, ilmu itu berpindah tangan kepada sarjana dan orientalis barat (Amir A. Rahman 1991). Dengan kata lain, umat Islam tertinggal dalam bidang tersebut.

Antara tokoh ulama tersebut ialah Ibnu Rusd yang terkenal dalam bidang Astronomi. Beliau telah banyak membahas secara sistematik mengenai Geografi, Matematik dan Astronomi di samping mengemukakan teori ahli astronomi Arab, Yunani dan India. Amir A. Rahman (1991) menyatakan Ibnu Rusd juga dikenali sebagai seorang ulama bernama Muslim al-Farghani yang berasal dari Farghana, Uzbekistan. Beliau telah mengarang sebuah buku bertajuk *al-Kamil fi al-Asturlab* yang kemudian diterjemahkan dalam bahasa Latin dengan judul *Compendium*. Selanjutnya, buku tersebut menjadi rujukan utama di seluruh pelosok negara Eropah (Mohd Radzali Masrun 2004).

Di samping itu juga, muncul seorang ulama bernama Abu al-Raihan Muhammad bin Ahmad yang terkenal dengan panggilan al-Biruni. Dalam kalangan sarjana dan orientalis barat, beliau dianggap tokoh ilmuwan terbesar. Hal tersebut disebabkan beliau tekun menjalankan penyelidikan (Mohd Radzali Masrun 2004) dan beliau menguasai bidang Matematik, Perubatan, Farmasi, Asronomi dan Fizik (Amir A. Rahman 1991). Dalam bidang perubatan, kegemilangan tamadun Islam telah melahirkan seorang tokoh terkenal, Abu Kasim al-Zahrawi, dalam bidang Perubatan dan pengkhususan dalam pembedahan. Di negara barat, beliau dikenali dengan nama Abulcasis. Amir A. Rahman (1991) menggambarkan kehebatan beliau dengan merintis ilmu pengenalan penyakit (*diagnosrie*) serta pengembangan ilmu penyakit kulit (*dermatologi*) dan menemui penyembuh kepada penyakit telinga (*the rapeutif*) dengan berupaya mengembalikan fungsi pendengaran. Malah, beliau turut mengarang ensiklopedia perubatan berjudul

Al-Tasrif Liman Anjaza al-Ta'lif (*Medical Vademecum*) (Azizan Baharuddin 1986). Ensiklopedia tersebut menerangkan dan melukis lebih kurang dua ratus peralatan bedah berbentuk diagram. Implikasinya, ensiklopedia itu menjadi rujukan utama dalam bidang perubatan di universiti negara Eropah.

Selanjutnya, kebangkitan tamadun Islam turut melahirkan Abu Ali al-Husain bin Abdullah bin Hasan Ali ibnu Sina atau Ibnu Sina. Dalam kalangan sarjana dan orientalis barat, beliau dikenali nama Avicecina. Walaupun beliau berada pada usia yang muda, tetapi beliau berupaya menguasai bidang Logik, Matematik, Fizik, Politik, Perubatan, Agama dan Falsafah. Beliau juga telah mengarang lebih 276 buah buku yang meliputi pelbagai bidang ilmu seperti Falsafah, Geometri, Perubatan, Astronomi, Muzik, Syair, Teologi, Politik, Matematik, Fizik, Kimia, Sastera, dan Kosmologi. Antara karya terbesar beliau ialah *Al-Qanun fi al-Tibb* yang menghimpunkan segala disiplin ilmu dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris berjudul *Canon of Medicine*. Buku tersebut menjadi teks rujukan utama dalam bidang perubatan. Ibnu Sina meninggal pada tahun 428 H dan dinobatkan sebagai *Father of Modern Medicine* (Amir A. Rahman 1991).

Selain tokoh perubatan di atas, kebangkitan tamadun Islam turut melahirkan Abu al Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Ibnu Rushd yang terkenal dalam kalangan sarjana dan orientalis barat dengan gelar Averroce. Beliau merupakan seorang ulama, ahli falsafah yang unggul dan pakar dalam bidang Fizik, Perubatan, Biologi dan Astronomi. Dengan kepakaran tersebut beliau pernah menjadi doktor dan kadi besar di Cordoba. Ibnu Rushd juga merupakan pelopor kepada ilmu perubatan umum serta ilmu jaringan tubuh (*Histology*) serta berjasa dalam bidang pembuluh darah serta penyakit cacar. Karya beliau yang berjudul *Al Kulliyah fi al-Tibb* sebanyak 16 jilid merupakan karya terbesar dan menjadi rujukan utama dalam bidang perubatan. Kemudian diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris dengan judul *General Rules of Medicine*.

Di dalam bidang Kimia pula, lahir seorang tokoh ulama bernama Jabir ibnu Hayyan al Kufi (*Geber*). Beberapa karya terbesarnya diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan Perancis. Antaranya, Kitab Dacing, Kitab Raksa Timur dan Kitab Kerajaan. Beliau telah memperkenalkan kepentingan menggunakan bahan kimia seperti menyediakan keluli, mencelup kain dan kulit. Tokoh dalam bidang Kimia lain adalah Muhammad Abu Bakar al-Razi yang lebih dikenali sebagai pakar perubatan kimia. Beliau mencatat dengan terperinci lebih 20 alat besi dan kaca. Beliau juga merupakan pakar perubatan yang berpendapat bahawa penyakit boleh disembuhkan melalui kilas balik kimia dalam tubuh seseorang pesakit. Kini, amalan tersebut dilaksanakan untuk mengurangkan sakitan penyakit barah.

Kesimpulannya, zaman khalifah Abbasiyyah yang bermula pada tahun 750 sehingga 1453 Masihi, merupakan kemuncak kepada kegemilangan tamadun Islam yang berpunca daripada kebangkitan ilmu pengetahuan. Kegemilangan ilmu pengetahuan dalam Islam tidak dapat dipisahkan dengan nilai sehingga melahirkan golongan bertakwa kepada Allah.

(b) Perkembangan Terkini Masyarakat Islam dalam bidang Pendidikan– Satu Senario

Pendidikan berupaya meningkatkan ekonomi negara, menambah baik pendapatan rakyat, memudahkan pergerakan sosial dan mengurangkan kemiskinan. Maimbo dan Ratha (2005) menggambarkan situasi tersebut dengan menghubungkan pendidikan dengan usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menyumbang kepada jangka hayat yang lebih panjang, kesuburan yang tinggi dan kadar kematian bayi yang rendah, serta memiliki identiti kebangsaan yang lebih mantap.

Walau bagaimanapun, hasil di atas tidak akan tercapai secara langsung tanpa usaha kerajaan untuk melabur dalam pendidikan. Dalam hal ini, laporan *World Bank* (2008) mencadangkan pihak penggubal dasar agar mereka bentuk strategi yang lebih baik sekiranya pelaburan dalam pendidikan kurang memberikan hasil positif kepada ekonomi, sosial dan politik negara. Laporan tersebut ditujukan khusus untuk kerajaan negara Islam berdasarkan kajian *World Bank* (2008) terhadap negara Islam dalam pertubuhan *The Middle East and North Africa* (MENA). MENA melibatkan negara Timur Tengah dan Afrika Utara yang memiliki ekonomi yang pelbagai dan melibatkan negara yang kaya dengan petroleum di Teluk Arab seperti Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Lebanon, Libya, Malta, Morocco, Oman, Qatar, Arab Saudi, Syria, Tunisia, United Arab Emirates, Yaman, Tebing Barat dan Gaza serta negara yang kurang sumber berbanding populasi penduduk yang ramai seperti Mesir, Algeria dan Maghribi. Laporan tersebut menyatakan kualiti pendidikan di negara Islam tersebut adalah jauh ketinggalan berbanding benua lain di dunia. Secara khusus kajian tersebut dilaporkan seperti mana berikut.

(i) Pelaburan kerajaan terhadap pendidikan

Secara purata, wujud peningkatan pelaburan kerajaan dalam pendidikan dalam aspek peruntukan bajet kerajaan. Kerajaan di negara Islam tersebut telah memperuntukkan perbelanjaan pendidikan sebanyak 20 peratus daripada keseluruhan bajet negara. Situasi tersebut meningkatkan *Gross Domestic Product* (GDP) sebanyak 5 peratus. Implikasinya, kanak-kanak di negara Islam tersebut berupaya menikmati pendidikan wajib, berupaya menyambung pengajian secara formal dan hasil pendidikan adalah lebih baik berbanding situasi terdahulu misalnya dalam aspek peningkatan taraf hidup. Namun, terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti seperti mana berikut.

- Negara Islam tersebut dilaporkan masih kurang menghasilkan hasil pelaburan dalam pendidikan khususnya dalam kalangan golongan dewasa. Misalnya, wujud kecaciran dalam kalangan mereka dan pencapaian rendah dalam peperiksaan di peringkat antarabangsa. Di samping itu juga, kadar buta huruf yang tinggi dan sistem pendidikan yang menumpukan graduan berlatarbelakangkan sains sosial berbanding sains tulen;
- Negara Islam tersebut juga kurang menghasilkan ciri-ciri modal insan dalam kalangan tenaga buruh. Kelemahan tersebut disebabkan sukatan pengajian di peringkat institusi tinggi kurang mengambil kira perubahan persekitaran khususnya memenuhi permintaan pasaran semasa. Implikasinya, wujud kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan graduan; dan
- Sistem pendidikan di negara Islam tersebut kurang menekankan penghasilan graduan yang memiliki tahap kemahiran dan kepakaran yang tinggi bagi menyaingi cabaran luar.

(ii) Usaha penambahbaikan lalu terhadap pendidikan gagal memberikan tumpuan kepada insentif dan akauntabiliti awam

Pihak kerajaan negara Islam tersebut telah berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan melaksanakan beberapa langkah seperti memperbanyakkan bangunan sekolah, melatih guru, mengeluarkan buku teks dan menggubal kurikulum. Usaha tersebut menyebabkan kerajaan menjadi sumber utama kewangan sekolah dan berupaya mengawal struktur dalam organisasi pendidikan. Dengan kata lain, kerajaan negara Islam tersebut telah menjadikan sektor pendidikan sebagai agenda utama mereka dalam meraih sokongan rakyat. Malah, kerajaan semakin matang dalam menguruskan sektor pendidikan misalnya urusan penswastan dalam sektor pendidikan dan melantik pihak luar untuk menilai tahap keberkesanan pendidikan.

Namun, kajian *World Bank* (2008) melaporkan kerajaan terlalu memberikan penekanan kepada pendidikan kejuruteraan dan kurang perhatian terhadap insentif dan akauntabiliti awam. Misalnya, kerajaan kurang melaksanakan tindakan strategik untuk menghubungkan pencapaian sekolah dan guru dengan keputusan peperiksaan sekolah, kerajaan kurang berpengetahuan untuk membentuk proses kawalan yang cekap dan berkesan serta kerajaan kurang berkemahiran untuk menyedarkan ibu bapa dan murid mengenai kepentingan pencapaian sekolah.

Secara umumnya, negara Islam tersebut telah mula menjadi lebih terbuka, masyarakat telah mula menyedari peranan mereka dalam sektor pendidikan serta kepentingan peranan media massa untuk mempromosikan perkhidmatan

pendidikan milik kerajaan. Walau bagaimanapun, rakyat khususnya ibu bapa dan murid kurang berupaya untuk mempengaruhi penggubal dasar dalam aspek penambahbaikan terhadap objektif pendidikan dan peruntukan sumber kepada pihak sekolah.

(iii) Tahap kapasiti guna tenaga buruh tempatan yang rendah bagi memenuhi permintaan pasaran semasa

Walaupun negara Islam tersebut telah berusaha untuk menghasilkan tahap kapasiti guna tenaga buruh tempatan yang tinggi sejak tahun 1990-an menerusi sistem pendidikan yang berkualiti tetapi sumbangan mereka terhadap individu dan masyarakat adalah rendah berbanding permintaan semasa. Hal tersebut disebabkan kadar pertumbuhan guna tenaga terlatih tempatan adalah perlahan atau media kerajaan telah memutarbelitkan fakta sebenar. Implikasinya, kerajaan negara Islam tersebut khususnya negara Arab telah mengimport guna tenaga terlatih dari luar negara. Usaha tersebut juga mengakibatkan rakyat tempatan mengalami pengangguran khususnya mereka yang kurang berkemahiran tinggi.

Kesimpulannya, sistem pendidikan di negara Islam perlu dilaksanakan penambahbaikan sama ada bermula di peringkat sendiri mahupun peringkat yang lebih besar seperti masyarakat dan negara.

PERBINCANGAN DAN SARANAN: ISLAM DAN AMALAN KOMUNITI PROFESIONAL PEMBELAJARAN

Kanak-kanak mempunyai cita rasa semula jadi untuk menerokai perkara baru. Misalnya, walaupun kanak-kanak kurang mahir untuk berjalan, mereka berazam untuk mengetahui sesuatu perkara dengan menarik dan menolak segala benda yang berada di persekitaran mereka (Wlodkowski, 2001). Dengan kata lain, fitrah untuk belajar telah sedia ada dalam kandungan ibu dan diteruskan fitrah tersebut menerusi proses pembelajaran secara formal mahupun informal di dunia.

Sehubungan dengan itu, Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu sepanjang hayat atau *life long learning* seperti mana sabda Rasulullah melalui riwayat Muslim, “carilah ilmu itu sejak dari buaian sampai masuk ke liang lahad”. Dalam hal ini, hanya kematian berupaya menghentikan usaha seseorang individu Muslim untuk mencari ilmu. Bagi mencapai hasrat tersebut, umat Islam dituntut untuk mencari ilmu secara formal mahupun informal. Selanjutnya, usaha tersebut menyumbang kepada pembentukan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat Islam. Malah, idea utama yang diutarakan oleh KPP telah lama disarankan oleh Islam. Secara khusus, Islam dengan perspektif tersendiri telah memberikan panduan untuk membentuk budaya ilmu seperti mana disarankan dalam KPP. Panduan tersebut adalah seperti berikut.

(a) Niat Kendiri Untuk Menuntut Ilmu

Seseorang Muslim dituntut untuk mempelajari sesuatu ilmu kerana Allah. Dalam menjelaskan kenyataan tersebut, Md Asham Ahamad (2000) menyatakan sesuatu ilmu itu berupaya memberikan manfaat kepada diri dan masyarakat sekiranya niat mempelajari ilmu adalah kerana Allah. Sehubungan dengan itu, warga Islam tidak seharusnya memisahkan ilmu agama dan ilmu selain agama. Kemampuan menguasai kedua-dua ilmu tersebut berupaya menjadikan warga Islam memiliki kekuatan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Ratna Roshida Abd Razak & Muhammad Hasrul Zakariah, 2010). Selanjutnya, menjadikan warga Islam sebagai pelopor kepada tamadun dunia (Mustafa Daud 1999).

Justeru, jika seseorang Muslim menuntut ilmu hanya untuk mendapatkan ganjaran dunia, maka Rasulullah telah memberikan peringatan seperti mana sabdanya daripada riwayat Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah, yang bermaksud, "barangsiapa menuntut ilmu yang pelajari hanya kerana Allah Ta'ala sedang ia tidak menuntutnya kecuali untuk mendapatkan habuan dunia, ia tidak akan mencium bau syurga pada hari kiamat".

Dalam amalan KPP, niat untuk melaksanakan sesuatu aktiviti kurang disalurkan untuk kebaikan agama. Hal tersebut kerana dasar pendidikan di kebanyakan negara barat yang merupakan perintis amalan KPP, lebih bersifat liberal. Hal tersebut dinyatakan oleh Woolhouse (2003) bahawa negara barat lebih terpengaruh dengan pandangan John Locke (1632 hingga 1704) yang merupakan tokoh utama dalam pendekatan empirisme. Pandangan Locke menekankan keperluan untuk menjalankan eksperimen bagi mengembangkan ilmu pengetahuan. Dengan kata lain, fakta perlu dibuktikan dengan data yang diperoleh menerusi aktiviti penyelidikan dan mengeneppikan ilmu wahyu (Simon Petrus L. Tjahjadi 2004).

Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat menerusi saman masyarakat Ohio, Amerika Syarikat, terhadap sebuah sekolah menengah yang mempamerkan sebuah gambar Jesus Christ di dinding utama sekolah. Mahkamah mengarahkan pihak sekolah untuk menurunkan gambar tersebut dengan alasan pengurusan sekolah telah mempromosikan agama di sekolah kerajaan (NorthIowaTiday.com, 27 Jun, 2013). Justeru, Islam menganjurkan agar sesuatu aktiviti dilaksanakan bertujuan dunia dan akhirat. Hal tersebut dinyatakan oleh Mohd Radzali Masrun (2004) bahawa sekiranya seseorang itu melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana Allah dan Rasul, mereka akan memperoleh kebaikan di dunia dan akhirat. Sebaliknya, jika sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan kerana dunia, kemungkinan pelakunya memperoleh tujuan dunia tersebut atau tidak mendapat apa-apa hasil berbanding pelaku yang melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana Allah dan Rasul. Jika mereka tidak berjaya memperoleh kebaikan dunia tetapi masih memperoleh kebajikan untuk akhirat.

(b) Kolaborasi Dalam Menguasai Hasil Menuntut Ilmu Iaitu Menghindari Kejahilan Diri Dan Orang Lain

Tanpa ilmu seseorang Muslim akan menjadi jahil. Selanjutnya, setelah mereka mengetahui, mereka seharusnya mengajarkan ilmu tersebut kepada orang lain agar orang lain mendapat manfaat daripada ilmu yang kita pelajari. Dalam hal tersebut Rasulullah menerusi riwayat Bukhari telah bersabda dengan maksud seperti mana berikut, “sampaikanlah dariku walaupun cuma satu ayat”. Begitu juga dengan Imam Ahmad yang berkata, “ilmu itu tidak ada bandingannya apabila niatnya benar. Para murid beliau bertanya, “bagaimanakah yang demikian itu?”. Beliau menjawab, “ia berniat menghilangkan kejahilan diri dan orang lain”.

Dalam hal berkolaborasi ilmu, Syadina Umar al-Khattab telah memberikan satu gambaran yang baik. Beliau bergilir-gilir dengan jirannya untuk menghadiri majlis ilmu Rasulullah disebabkan beliau mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap perniagaan. Umar berkata, “aku dan jiranku, seorang Ansar tinggal di kawasan Umayyah bin Zaid. Kami selalu bergilir dalam menghadiri majlis ilmu Rasulullah. Hari ini dia datang dan pada keesokan harinya aku yang datang. Apabila aku yang pergi maka akan aku sampaikan kepadanya tentang maklumat pada hari tersebut. Jika dia pergi, dia akan melakukan perkara yang sama aku lakukan (Muhammad Ismail 1987).

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati Islam telah mengungguli budaya kolaborasi dalam kalangan masyarakat. Malah, aktiviti kolaborasi di dalam Islam mempunyai tujuan yang amat jelas iaitu menghindarkan diri daripada kejahilan dalam kalangan individu dan masyarakat. Hal tersebut turut diberikan perhatian dalam amalan KPP. DuFour (2004) menjelaskan kolaborasi dalam KPP membolehkan guru berkongsi amalan pengajaran sama ada dalam bentuk pengetahuan mahupun fizikal seperti perkongsian alat bantuan mengajar. Misalnya, guru cemerlang berupaya membimbing guru novis agar guru novis berupaya didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran baru mengenai proses pengajaran dan pembelajaran (McLaughlin & Talbert 2001). Namun, galakan Islam dalam aktiviti kolaborasi lebih melihat ke hadapan dengan ganjaran yang diberikan di dunia dan akhirat. Selanjutnya, sedekah yang diberikan untuk memperoleh ganjaran bukan terhad hanya kepada harta benda malah ilmu dan sebagainya. Rasulullah menjelaskan kenyataan tersebut menerusi riwayat Tirmidzi seperti berikut, “senyummu kepada saudaramu merupakan sedekah, engkau berbuat ma’ruf dan melarang dari kemungkaran juga sedekah, engkau menunjukkan jalan kepada orang yang tersesat juga sedekah, engkau memimpin orang yang berpenglihatan kabur juga sedekah, menyingkirkan batu, duri dan tulang dari jalan merupakan sedekah, dan engkau menuangkan air dari cawan ke cawan saudaramu juga sedekah” (Mustafa Daud 1999).

Dalam membincangkan ganjaran yang diperoleh di dunia dan akhirat hasilan usaha kolaborasi yang dilakukan, Rasulullah telah bersabda seperti diriwayatkan

oleh Muhammad Thobrani seperti berikut, “sedekah yang ditunaikan seseorang, apalagi menjadi budaya sesebuah bangsa akan menghindarkan bangsa tersebut daripada malapetaka (bala’)” (Amir A. Rahman 1991). Dalam menggambarkan ganjaran di akhirat, Rasulullah bersabda seperti mana diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud, Tirmidzi, al-Nasaa’i, dan al-Bukhari bahawa salah satu amalan yang bermanfaat setelah mati anak Adam adalah ilmu yang bermanfaat (Azizan Baharuddin 1986).

(c) Berlapang Dada Dalam Menerima Perbezaan Pandangan

Seseorang pelajar seharusnya berlapang dada sekiranya wujud perbezaan pandangan. Mereka harus berlapang dada dalam hal permasalahan ijtihad bukan hal berkaitan aqidah. Hal tersebut disebabkan permasalahan aqidah adalah permasalahan yang tiada perbezaan pendapat dalam kalangan salaf. Perbezaan pandangan mengenai permasalahan ijtihad, telah wujud sejak zaman Rasulullah.

Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid (1991) telah menggambarkan kenyataan tersebut ketika peperangan Badar. Rasulullah telah menerima pandangan salah seorang sahabat, Hubab, mengenai tempat pertempuran. Hubab mencadangkan tentera Islam menduduki tempat yang paling dekat dengan air kerana air adalah penting bagi anggota tentera dan haiwan tunggangan mereka. Begitu juga ketika perang Khandak, Rasulullah telah bersetuju dengan pandangan Salman al-Farisi yang berketurunan Parsi untuk mengali parit bagi berhadapan dengan tentera Ahzab. Teladan baik tersebut telah menghasilkan kemenangan bagi pihak Islam. Justeru, warga Islam dilarang memandang rendah pandangan orang lain yang berlainan pandangan.

Hal di atas ditekankan dalam amalan KPP bahawa warga sekolah yang menyertai amalan KPP seharusnya memiliki sikap berlapang dada dengan segala pandangan dan teguran. Kenyataan tersebut disokong oleh Barth (1991) dan Fleming (2002) bahawa kejayaan sesebuah sekolah dengan amalan KPP adalah berkait rapat dengan sikap berlapang dada warga sekolah. Mereka, sama ada pihak pengurusan, guru mahupun murid, saling menghormati pandangan dan teguran yang diberikan bagi memastikan proses penambahbaikan sekolah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Hakikatnya, Islam telah mengungguli amalan di atas dengan firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 9-10.

“Dan jika dua puak dari kalangan yang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satunya berlaku melampau terhadap yang lain, maka perangilah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah. Jika ia kembali patuh maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil.”

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Selanjutnya, Rasulullah telah bersabda menerusi riwayat al-Bukhari dan Muslim bahawa manusia yang paling Allah benci ialah yang berkeras kepala dalam perbalahan. Sikap berlapang dada boleh dicapai dengan mengamalkan pesanan Syaidina Ali dengan lihat apa yang dikata, bukan siapa yang berkata (Abd al-Rahman 2004). Selanjutnya, dengan bertolak ansur dengan menghindarkan diri daripada berkata-kata yang tidak elok seperti mana firman Allah dalam surat Qaf ayat 18, “tidaklah seorang itu mengucapkan sesuatu ucapan, melainkan di sisinya ada malaikat Raqib iaitu pencatat kebaikan dan ‘Atid, pencatat keburukan”. Begitu juga saranan Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah seperti mana berikut, “barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah ia berkata yang baik atau kalau tidak dapat berkata yang baik, hendaklah ia diam saja.” Begitu juga dengan riwayat al-Dailami, Rasulullah bersabda alangkah baiknya orang-orang yang sibuk meneliti aib diri mereka sendiri dengan tidak mengurus (membicarakan) aib orang lain.

Namun, situasi tersebut bukan bermakna Islam menggalakkan umatnya agar terus berdiam diri atau jumud sebagai isyarat berlapang dada. Islam menggalakkan kedua-dua pihak iaitu penyumbang dan penerima pandangan serta teguran agar melakukan sesuatu sekiranya pandangan dan teguran tersebut kurang memberikan kebaikan kepada masyarakat. Teladan yang sangat mulia dan patut dipatuhi oleh pemimpin telah ditunjukkan oleh Syaidina Abu Bakar dan Umar Alkhattab ketika mereka dilantik menjadi pemimpin yang sering bertindak sebagai pemberi pandangan dan teguran. Mereka berkata, “jika aku berlaku benar, patuhilah aku. Jika aku menyeleweng, tegurlah aku. Kejujuran itu adalah amanah, sedangkan kebohongan adalah khianat” (Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998). Manakala, penerima maklumat seharusnya memiliki sikap seperti mana disabdakan oleh Rasulullah menerusi riwayat Muslim, “barang siapa antara kamu melihat kemungkaran, maka cegahlah dengan tanganmu, jika kamu tidak mampu maka cegahlah dengan lisanmu dan jika kamu tidak mampu juga maka cegahlah dengan hati. Itulah selemah-lemahnya iman” (Amir A. Rahman 1991).

(d) Mementingkan hasil pembelajaran iaitu mengamalkan ilmu yang telah dipelajari

Seseorang individu yang telah memiliki ilmu perlu mengamalkan ilmu tersebut. Tuntutan tersebut disebabkan amalan adalah hasil daripada menuntut ilmu seperti mana sabda Rasulullah daripada riwayat Muslim, “al Qur’an itu membelamu atau mencelakakanmu”. Manakala, Syaikh Muhammad Shalih al Utsaimin (1998) menyatakan ilmu akan membela penuntutnya apabila ilmu tersebut diamalkan

manakala mencelakakan penuntutnya apabila ilmu tidak diamalkan. Malah, kuantiti ilmu akan bertambah sekiranya diamal dan diajarkan kepada orang lain dan situasi sebaliknya jika ilmu tidak diamal, tidak diajar atau disembunyikan daripada pengetahuan orang lain (Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid 1991).

Amalan mementingkan hasil pembelajaran turut dituntut dalam KPP. Fullan (2001) menegaskan keberkesanan amalan KPP berpunca daripada proses pelaksanaan yang sistematik. Bermula daripada amalan kolaborasi dalam kalangan guru sehingga mengguna pakai data yang dikutip untuk mengawal pelaksanaan KPP. Namun, penyumbang utama keberkesanan pelaksanaan KPP adalah guru (DuFour 2004). Mereka berkongsi sesuatu pengetahuan dan kemahiran baru selepas mempelajari dan mengamalkannya dalam diri sendiri (Fleming 2002). Selanjutnya, setelah proses amalan KPP dipatuhi dengan cekap dan berkesan, hasil utama dalam amalan tersebut adalah murid dan sekolah. DuFour (2004) menjelaskan hal tersebut dengan berpendapat bahawa hasil akhir dalam amalan KPP adalah kejayaan pembelajaran murid yang menyebabkan pencapaian sekolah meningkat.

Namun, Islam terlebih dahulu menganjurkan umatnya agar mengamalkan ilmu yang telah dipelajari dengan menjelaskan kebaikan dan keburukan yang akan diperoleh daripada amalan tersebut. Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid (1991) menjelaskan kenyataan ini dengan mengutarakan skop luas mengenai proses pembelajaran iaitu meliputi tuntutan sebelum, ketika dan selepas mempelajari sesuatu ilmu. Dalam aspek tuntutan sebelum mempelajari sesuatu ilmu, Islam menggalakkan umatnya agar memilih ilmu yang bermanfaat untuk dipelajari. Hal tersebut dijelaskan oleh Al-Hafiz Ibnu Rajab Al-Hanbali (1991) mengenai ciri-ciri ilmu yang bermanfaat seperti mana berikut iaitu (a) menghasilkan rasa takut dan cinta kepada Allah, (b) menjadikan hati tunduk atau khusyuk kepada Allah dan merasa hina di hadapan-Nya dan selalu bersikap tawaduk, (c) membuat jiwa selalu merasa cukup (qanaah) dengan hal-hal yang halal walaupun sedikit yang itu merupakan bahagian daripada dunia, (d) menumbuhkan rasa zuhud terhadap dunia, (e) sentiasa didengar doanya, (f) ilmu itu sentiasa berada di hatinya, (g) menganggap bahawa dirinya tidak memiliki sesuatu dan kedudukan, (h) menjadikannya benci akan takziah dan pujian, (i) selalu mengharap akhirat, (i) menunjukkan kepadanya agar menjauhi dunia. Faktor yang paling menguji seseorang manusia di dunia adalah kepimpinan, kemasyhuran dan pujian, (j) tidak mengatakan bahawa dia itu memiliki ilmu dan tidak mengatakan bahawa orang lain itu bodoh, kecuali terhadap orang yang menyelisihi sunnah dan ahlussunnah. Sesungguhnya dia mengatakan hal itu kerana hak-hak Allah, bukan untuk kepentingan peribadinya, (k) baik sangka terhadap ulama-ulama salaf (terdahulu) dan berburuk sangka pada dirinya, (l) mengakui keutamaan-keutamaan orang yang terdahulu di dalam ilmu dan kurang menyaingi martabat mereka dan (m) sedikit berbicara kerana takut jika terjadi kesalahan dan tidak berbicara kecuali dengan ilmu.

Manakala, tuntutan ketika menuntut ilmu adalah seperti mana dijelaskan oleh Syeikh Abdullah bin Soleh Al Fauzan alam Amir A. Rahman (1991) dengan berkata seperti berikut, “ilmu tidaklah dituntut melainkan supaya diamalkan. Iaitu dengan mewujudkan ilmu dalam amalan nyata, yang tampak dalam bentuk pola fikir seseorang dan perilakunya. Terdapat nas syariat yang mewajibkan untuk mengikuti ilmu dengan amalan dan agar akibat daripada ilmu yang dipelajari muncul pada diri orang yang menuntut ilmu. Terdapat ancaman yang keras terhadap orang yang tidak beramal dengan ilmunya. Begitu juga bagi orang yang tidak memulakan perbaikan dari dirinya sendiri sebelum memperbaiki diri orang lain. Dalil-dalil tentang hal itu sudah sangat terkenal dan dikenali”. Selanjutnya, dalam aspek selepas menuntut ilmu, sahih Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadis Usamah bin Zaid seperti berikut, “aku pernah mendengar Rasulullah bersabda, “pada hari kiamat nanti akan ada seseorang yang didatangkan, kemudian dilemparkan ke dalam neraka. Isi perutnya terburai, sehingga ia berputar-putar sebagaimana berputarnya keldai yang menggerakkan penggilingan. Penghuni neraka pun berkumpul mengerumuninya. Mereka bertanya, “wahai fulan, apakah yang terjadi pada dirimu? Bukankah dahulu engkau memerintahkan kami untuk berbuat kebaikan dan melarang kami daripada kemungkaran?”. Dia menjawab, ‘dahulu aku memerintahkan kalian berbuat baik akan tetapi aku tidak mengerjakannya. Aku melarang kemungkaran sedangkan aku sendiri melakukannya”.

(e) Menghormati Dan Memuliakan Guru

Seseorang murid seharusnya berlapang dada terhadap perbezaan pandangan dalam kalangan guru. Dengan kata lain, mereka tidak seharusnya mencela guru yang mempunyai pandangan yang berlainan. Malah, menghormati dan menghargai pandangan mereka serta tidak mencari kesalahan dan menjatuhkan mereka di mata masyarakat (Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid 1991; Syaikh Muhammad Shalih al Utsaimin 1998).

Berikut merupakan contoh terbaik mengenai Imam Syafie yang menghormati gurunya seperti mana diterangkan oleh Syaikh Muhammad Shalih al Utsaimin (1998). Pada suatu hari, ketika Imam Shafie memberikan kuliah kepada ribuan pelajarinya, seorang Badwi dengan pakaian yang kotor dan berbau busuk telah memasuki kawasan kuliah disampaikan. Melihat akan kedatangan badwi tersebut, Imam Syafie memberhentikan kuliahnya dan memeluk erat Badwi tersebut. Anak murid beliau tergamam melihatkan suasana tersebut dan menanyakan Imam Syafie sebaik sahaja selesai kuliah mereka. Jawab Imam Shafie, “pada suatu hari, sedang aku menulis kitab Fekah, aku mempunyai satu masalah untuk membezakan antara anjing yang matang dengan anjing yang belum cukup umur. Lalu aku terfikir mengenai kehidupan warga Badwi yang banyak memelihara anjing untuk mengawal ternakan mereka. Saya menanyakan Badwi yang saya peluk tadi kerana penerangan beliau menjadikan alasan saya selesai melengkapkan sebuah kitab Fekah”.

Amalan KPP turut menekankan kepentingan menghormati dan memuliakan guru menerusi amalan meraikan kejayaan murid. Foord dan Haar (2013) menjelaskan penghormatan dan kemuliaan yang diberikan kepada guru adalah berasaskan kemanusiaan. Hal tersebut disebabkan manusia perlu kepada kasih sayang dan penghargaan di atas usaha mereka berbentuk risiko yang dihadapi dan bersikap inovatif dalam usaha untuk mencapai pengajaran yang berkesan (Foord & Haar 2013). Implikasinya, penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan (Killion 2008). Namun, guru lebih bermotivasi untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh apabila mereka dihargai dengan diberikan insentif perkhidmatan khususnya kenaikan gaji (Hall & Hord 2011).

Namun, perspektif Islam dalam menghormati dan memuliakan guru lebih berbentuk kerohanian dan secara berterusan. Misalnya, Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid. (1991) telah menggambarkan suasana pada zaman sahabat dan tabi' mengenai penghormatan murid kepada guru mereka seperti berikut (a) Mughirah berkata, "kami menghormati Ibrahim an-Nakha'ie seperti mana kami menghormati raja", (b) Imam Asy-Syafi'e pula berkata seperti berikut, "aku membelek kertas di hadapan Imam Malik perlahan-lahan kerana menghormatinya supaya dia tidak terdengar (bunyi belekan kertas tersebut)", (c) Rabie' berkata, "demi Allah aku tidak berani meminum air sedangkan Imam Asy-Syafi'e memandang kepadaku", dan (d) Sayyidina Ali berkata, "antara hak seorang alim ke atasmu ialah memberikan salam ke atas orang ramai secara umum dan mengkhususkan gurumu dengan penghormatan yang khusus dan istimewa".

Selanjutnya, Imam al-Ghazali telah menyenaraikan adab seseorang murid terhadap guru iaitu (a) memberikan sepenuh perhatian kepada gurunya, (b) mendiamkan diri sewaktu guru sedang menyampaikan pelajaran, (c) menunjukkan minat terhadap apa yang disampaikan oleh guru, (d) tidak meninggikan suara terhadap guru, sebaliknya memadailah berkata dengan suara yang didengari, (e) memastikan guru bersedia memberikan jawapan, (f) menghormati guru di hadapan dan belakangnya, (g) menutup kelemahan guru agar tidak didedahkan tanpa keperluan, dan (h) mendoakan kebaikan baginya (Said Hawwa 1996).

(f) Mengenal Pasti Kebenaran Sumber Ilmu dan Bersabar Dalam Mencari Ilmu

Adalah menjadi kemestian bagi seseorang murid untuk mengenal pasti kebenaran sumber ilmu yang telah diperolehi. Firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 6, "wahai orang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti supaya kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaan menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu". Di samping itu juga, seseorang murid seharusnya bersabar dalam menuntut ilmu. Pengajian mereka tidak terhenti di tengah jalan. Kisah kesabaran telah diriwayatkan dari Ibnu Abbas bahawa beliau

telah ditanya mengenai cara mendapatkan ilmu. Beliau menjawab, “dengan lisan yang selalu bertanya dan hati yang selalu memahami serta badan yang tidak pernah bosan, saya berterusan menuntut ilmu” (Syaiikh Muhammad Shalih al Utsaimin 1998).

Perbincangan di atas selari dengan tujuan pembentukan amalan KPP iaitu membentuk warga sekolah yang terdedah dengan perubahan dalam pendidikan menerusi pembelajaran. Hasrat tersebut dicapai menerusi komitmen guru (DuFour 2004). Komitmen tersebut wujud daripada perkongsian pemahaman yang berterusan dan bermanfaat, berkait rapat dengan pembelajaran baru yang melahirkan pelaksanaan dan amalan, refleksi terhadap amalan tersebut, dan kolaboratif dalam kalangan warga sekolah untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan (Foord & Haar 2013). Dengan kata lain, dalam amalan KPP, warga sekolah memperoleh sumber ilmu menerusi prosedur yang sistematik serta mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Bermula daripada faktor penyumbang dalam aspek kepimpinan sekolah sehingga faktor murid. Kenyataan tersebut dinyatakan oleh Fullan (2001) bahawa pihak kepimpinan sekolah seharusnya bertegas terhadap proses pembelajaran dengan membenarkan guru belajar dalam kalangan mereka supaya mereka berupaya untuk mengubah sistem pendidikan. Malah, keberkesanan amalan KPP menekankan kepentingan proses penambahbaikan sekolah secara berterusan yang bukan hanya wujudnya aktiviti pembelajaran dalam kalangan murid tetapi guru, pihak pengurusan, sekolah dan pihak atasan pendidikan (McLaughlin & Talbert 2001).

Selanjutnya, Islam juga menuntut umatnya belajar daripada sumber yang benar seperti mana Syeikh Muhammad Aminn Al-Kurdi (1999) menjelaskan dalam bukunya *Tanwir Al-Qulub* bahawa menuntut ilmu tanpa guru bererti menuntut ilmu dengan syaitan. Kenyataan tersebut menggalakkan guru belajar daripada mereka yang mempunyai ilmu dalam bidang tertentu agar guru dapat bersama-sama mengatasi masalah yang dihadapi mengenai sekolah (Amir A. Rahman 1991). Dalam hal ini, Islam menganjurkan umatnya agar memilih individu yang dipilih sebagai guru kerana ilmu yang disampaikan dan penyampai ilmu tersebut amat mempengaruhi ilmu yang dimiliki oleh murid sebagai penerima. Ahmad Yahya (2009) menyokong kenyataan di atas dengan menyatakan tren masa kini mengenai produk sesebuah institusi pendidikan adalah berjaya melahirkan individu yang mempunyai tahap ilmu yang tinggi tetapi kurang mempunyai akhlak. Hal tersebut disebabkan guru yang dipilih adalah kurang ikhlas dalam menyampaikan ilmu dengan menyembunyikan kebenaran (Syaiikh Muhammad Shalih al Utsaimin 1998). Implikasinya, dunia akan mengalami kerosakan akibat tangan mereka yang kurang memiliki akauntabiliti ketika bekerja (Azhar Mad Aros 2004; Syaiikh Bakr Abdillah Abu Zaid 1991).

Rumusan kepada perbincangan di atas mendapati amalan KPP adalah selari dengan tuntutan Islam mengenai usaha mewujudkan budaya ilmu. Malah,

Islam dilihat telah kehadapan dalam memperkenalkan beberapa ciri utama KPP dan memiliki manfaat yang meluas bukan sahaja untuk menjaga hak manusia malah Tuhan dan makhluk lain.

KESIMPULAN

Sesebuah tamadun yang kukuh mempunyai perkaitan dengan tahap ilmu yang dimiliki oleh masyarakat mereka. Faktor penyumbang kepada kekukuhan tamadun tersebut juga mempengaruhi jangka hayat sesebuah tamadun. Namun, setiap tamadun memiliki faktor penyumbang tersendiri. Begitu juga dengan Islam yang memiliki perspektif tersendiri dalam membangunkan tamadun mereka menerusi budaya ilmu. Budaya ilmu tersebut menyamai komuniti pembelajaran profesional seperti mana dilaksanakan secara berleluasa di negara barat. Misalnya dalam aspek tiga idea utama dalam KPP iaitu memastikan murid belajar, budaya kolaborasi dan tumpuan kepada hasil. Malah, budaya ilmu yang dianjurkan oleh Islam lebih menyeluruh yang melibatkan hak individu, Allah dan alam.

Hakikatnya, masyarakat Islam telah mendahului barat dalam membangunkan ilmu. Kejayaan tersebut bermula daripada kekuatan sendiri sehingga pembentukan masyarakat Islam yang mencintai ilmu. Hal tersebut dijelaskan oleh Yusuf Qaradawi (2004) yang membandingkan usaha masyarakat Islam dan barat dalam menuntut ilmu. Bagi masyarakat Islam, usaha mereka menuntut ilmu berasaskan faktor berikut (a) usaha tidak tersasar daripada berpegang teguh dengan ajaran Allah, (b) bercirikan akhlak yang mulia, (c) bercirikan nilai murni kemanusiaan, (d) bersifat sejagat iaitu melibatkan semua aspek dengan paduan antara iman, syariat dan akhlak sehingga melahirkan tindakan dan amalan yang mulia. Usaha mencari ilmu juga mengambil kira hubungan dengan Allah, manusia dan alam bagi menjamin hak semua pihak, (e) ideal dan realistik iaitu Islam meletakkan manusia di peringkat yang paling tinggi dan setiap usaha berupaya dicapai dan tidak bercanggah dengan agama Allah, (f) usaha yang tetap dan anjal iaitu setiap usaha adalah tidak berubah seperti mana ditetapkan dalam matlamat tetapi dalam aspek strategi berupaya dilakukan perubahan yang bergantung kepada persekitaran, (g) sederhana iaitu pelajar tidak perlu keterlaluan tetapi seharusnya seimbang antara kerohanian dan kebendaan, antara dunia dan akhirat, antara hak Allah dan hak hamba, serta kepentingan sendiri dan masyarakat, dan (h) universal iaitu usaha yang tidak berasaskan kaum, tempat dan tempoh. Manakala, usaha masyarakat barat untuk menuntut ilmu adalah berasaskan faktor berikut (a) jahil dalam memahami konsep ketuhanan, (b) kecenderungan terhadap kebendaan yang keterlaluan, (c) fahaman sekularisma, (d) wujud perbalahan dan pertelingkahan, serta (e) memiliki perasaan tinggi daripada orang.

Implikasinya, tamadun Islam telah diakui sebagai pemangkin kepada zaman pembaharuan (*renaissance*) di Eropah yang kemudiannya membentuk sebuah tamadun barat yang gemilang (Wan Mohd. Nor Wan Daud 1997).

Azizan Baharuddin (1986) menggambarkan kenyataan tersebut dengan usaha gigih masyarakat barat khususnya di Eropah yang mempelajari dan selanjutnya menterjemahkan pelbagai jenis ilmu daripada dunia Islam Sepanyol serta wilayah Islam di Timur Tengah. Begitu juga dengan gambaran Ahmad Yayha (2009), dalam buku beliau, “Keagungan Tamadun Islam: Sejarah Yang Digelapkan”, telah menggambarkan suasana tersebut seperti mana berikut.

“Usaha menterjemahkan ilmu melibatkan ilmu Falsafah, Perubatan, Astronomi, Matematik, Logik, Akhlak, Kimia dan Algebra. Masyarakat barat turut membangunkan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Naples, Universiti Bologna, Universiti Paris, Universiti Oxford dan Universiti Koln. Akhirnya, Eropah berjaya melangkaui zaman kegelapan ke arah zaman pembaharuan. Implikasinya, usaha tersebut melahirkan kejayaan dalam kalangan masyarakat barat khususnya Eropah”.

Kejayaan Islam seperti mana dibincangkan di atas disebabkan empat faktor penyumbang seperti mana berikut (a) wujudnya hubungan baik antara pemerintah dengan ulama, (b) ilmu yang berkembang amat relevan dengan kehidupan harian, (c) persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan peningkatan ilmu menerusi penyelidikan dan penerbitan bahan bacaan, dan (d) masyarakat Islam memanfaatkan ilmu yang bersumberkan daripada luar (Sidek Baba, 2012). Begitu dengan pandangan Mohd Radzali Masrun (2004) mengenai faktor penyumbang kepada kejayaan masyarakat Islam terdahulu. Beliau menyatakan pengkaji Islam terdahulu berpegang teguh dengan ayat Allah seperti mana berikut, ayat az-Zumar, surah 9, “tanyakanlah hai Muhammad! Adakah sama orang yang mengetahui dengan mereka yang tidak mengetahui?” Kemudian, ayat Al Imran, surah 66, “beginilah kamu (wahai ahli Al-Kitab), kamu ini membantah tentang hal yang kamu ketahui, maka mengapakah kamu membantah pula dalam hal yang kamu tidak ketahui? Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui”. Dalam mengupas ayat di atas, Mohd Radzali Masrun (2004) menyatakan ayat tersebut merupakan teguran kepada mereka yang berbicara atau membantah suatu persoalan tanpa adanya bukti berbentuk fakta. Implikasinya, wujud persekitaran ilmu yang kondusif mendorong kepada pembangunan ilmu sehingga melahirkan ramai tokoh Islam dalam bidang tertentu seperti Ibnu Sina, Al-Farabi, Al-Ghazali, Ibnu Khaldun dan Jabir Ibnu Hayyan.

Namun sejak abad ke-12, masyarakat Islam telah meninggalkan bidang ilmu seperti mana mereka kuasai sebelum ini. Sebaliknya, para ilmuwan Eropah tetap giat mempelajarinya. Karya ulama mengenai astronomi telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin khususnya di Toledo, Sepanyol (Mohd Radzali Masrun 2004). Ia kemudian disebarkan ke seluruh benua Eropah. Sejak saat tersebut, masyarakat Islam telah mula tertinggal dalam bidang pendidikan. Kenyataan tersebut digambarkan oleh *The Arab League Educational, Culture and Scientific Organization* (2012) bahawa 300 juta penduduk di negara Islam Arab mengalami buta huruf. Antara kegagalan tersebut adalah seperti berikut

(a) ketidakadilan dan perbezaan jurang dalam agihan ekonomi. Kebanyakan negara Islam mengamalkan ekonomi kapitalisme yang menekankan agihan kekayaan hanya dalam kalangan golongan kaya, (b) penindasan dan kezaliman yang mengetepikan hak kemanusiaan, (c) keruntuhan moral dan nilai masyarakat khususnya dalam kalangan pemimpin, dan (d) sikap tertutup untuk menerima perubahan persekitaran khususnya dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Ringkasnya, kejayaan masyarakat Islam terdahulu disebabkan amalan menuntut ilmu yang berdasarkan ketaqwaan. Malah, mereka menjadi pemangkin kepada pembangunan tamadun barat. Hal tersebut bermaksud tujuan masyarakat Islam menuntut ilmu bukan sahaja untuk membangunkan keupayaan diri tetapi membangunkan masyarakat dan negara untuk mereka memakmurkan dunia ini. Namun, kegagalan masyarakat Islam untuk mempertahankan keagungan tamadun mereka kerana mereka mengetepikan hak Allah dan alam.

RUJUKAN

- Abd al-Rahman. 2004. *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Yayha. 2009. *Keagungan tamadun Islam: Sejarah yang digelapkan*. Petaling Jaya, Selangor: Anbakri Publika.
- Amir A. Rahman. 1991. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Mad Aros. 2004. *Tamadun Islam dan tamadun Asia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad.
- Azizan Baharuddin. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barth, R. 1991. Restructuring schools: Some questions for teachers and principals. *Phi Kappan*, 73(2), 123-128.
- Boyd, V., & Hord, S. M. 2012. Schools as learning communities. *Issues... about Change*, 4(1), 1-8
- DuFour. R. 2004. What is a professional learning community? *Educational Leadership*, 61(8), 6-11.
- Eaker, R., DuFour, R., & DuFour, R. 2002. *Getting started: Reculturing schools to become professional learning communities*. Bloomington, IN: National Educational Service.

- Fleming, G. L. 2002. Principal and teachers: Continuous learners. *Issues... about Change*, 7(2), 1-9.
- Fullan, M. 2001. *Leading in a culture of change*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Foord, K. A., & Haar, J. M. 2013. *Professional learning communities: An implementation guide and toolkit*. New York: Eye On Education.
- H. Moh. Rifa'1. 1996. *Fiqih Islam lengkap*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.
- Hadisaputra Ihsan. 1981. *Anjuran untuk menuntut ilmu pengetahuan pendidikan dan pengalamannya*. Surabaya, Indonesia: Al – Ikhlas.
- Hall, G. E. & Hord, S. M. 2011. *Implementing change: Patterns, principles, and potholes* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Halloran, J. D. 2011. Social science, communication research and the third world. *International Social Science Journal*, 1(14), 14-23.
- Al-Hanbali, Al-Hafiz Ibnu Rajab. 1991. *Bayan fadhli 'ilmissalaf 'ala 'imilkhalaf*. T.tp.: Dar Al-Basya'ir Al-Islamiah
- Hassan, Mohd. Kamal. 1993. *Moral and ethical issues in human resource development: old problems and new challenges*. Institut Kajian Dasar Malaysia, Kuala Lumpur: IKD Monograph Series.
- Hord, S. M. 1997. *Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement*. Austin, TX: Southwest Educational Development Lab. Dicapai pada 02 September 2012 di [ERIC](#) Document Reproduction Service No. ED410659.
- Hord, S. M. 1997. Professional learning communities: What are they and why are they important?. *Issues...about Change*, 6(1), 1-8.
- Khalif Muammar. 2006. *Atas nama kebenaran: Tanggapan kritis terhadap wacana Islam liberal*. Kajang, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Killion, J. 2008. *Assessing impact: Evaluating staff development* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press & NSDC.
- Maimbo, S. M., & D. Ratha. 2005. *Remittances: Development impact future prospects*. Washington, DC: World Bank.

- Marzano, R. 2003. *What works in schools: Translating research into action*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Al-Mawdudi, Abu al-A'la. 1967. *Islamic way of life*. Delhi: Markazi Maktaba Islami.
- Mc. Laughlin, M., & Talbert, J. 2001. *Professional communities and the work of high school teaching*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Md. Asham Ahmad. 2000. *Kedudukan agama dalam civil society: Satu tinjauan sejarah*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Mohd Radzali Masrun. 2004. *Kebangkitan Islam: Gambaran dan sejarah dalam tamadun dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyadhi Kartanegara. 2002. *Menembus batas waktu: Panorama filsafat Islam*. Bandung: Mizan.
- Muhammad Ismail. 1987. *Shail al-Bukhari*. Beirut.
- Mustafa Daud. 1999. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.
- NorthIowaTiday.com, 27 Jun, 2013. Dicapai pada 27 Jun 2013 di <http://northiowatoday.com/2013/02/09/ohio-school-board-sued-over-jesus-picture/>
- Rahman, Fazlur. 2002. *Islam dan modernitas*. Bandung: Pustaka.
- Ratna Roshida Abd Razak & Muhammad Hasrul Zakariah. 2010. Islam Hadhari: Apa dan kenapa. Jurnal Hadhari, 3, 1-21.
- Said Hawwa. 1996. *Tazkiyatun-Nafs Imam Ghazali*. Kelang, Selangor: Creason
- Schmoker, M. 2006. *Result now: How can we achieve unprecedented improvements in teaching and learning*. Alexandria, VA: ASCD.
- Senge, P. 1980. *The fifth discipline*. New York: Doubleday.
- Senge, P., Cambron-McCabe, N., Lucas, T., Smith, B., Dulton, J., & Kleiner, A. 2000. *Schools that learn*. New York: Doubleday.

- Sergiovanni, T. 2000. *Moral leadership: Getting to the heart of school improvement*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sidek Baba. 2012. *Dakwah Islamiyyah dalam mendepani hegemoni barat*. Kertas kerja disampaikan dalam Seminar Dakwah Nasional 2012 pada 8 Oktober 2012 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Simon Petrus L. Tjahjadi. 2004. *Petualangan intelektual*. Yogyakarta: Kanisius.
- Soenarjo, Hasbi Ashshiddiqi, Bustami A. Gani, Muchtar Jahya, Toha Yahya, Mukti Ali, Kamal Muchtar, Ghazali Thaib, Musaddad, Ali Maksum, & Busjaini Madjidi. 1971. *Al Quran dan Terjemahnya*. Arab Saudi: Kerajaan Urusan Islam, Waqf, Da'wah dan Penyuluhan Urusan Penerbitan & Penyebaran Saudi Arabia.
- Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid. 1991. *Hilyah Tholibil Ilmi*. Riyadh: Daar Ats-Tsurayya.
- Syaikh Muhammad Amin al-Kurdi. 1999. *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalati 'Allam al-Ghuyub*. Riyadh: Daar Ats-Tsurayya.
- Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998. *Hasyiyah Ushul Ats Tsalatsah*. Arab Saudi: Kementerian Urusan Islam, Waqf, Da'wah dan Penyuluhan Urusan Penerbitan & Penyebaran Saudi Arabia.
- Syaikh Muhammad Shalih al Utsaimin. 1998. *Kitab Al Ilmi*. *Kitab Al-'Ilmi*. Riyadh: Daar Ats-Tsurayya.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam: Teori ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Arab League Educational, Culture and Scientific Organization. 2012. Education is about preparing the next generation for the journey. Kertas kerja dibentangkan dalam World Innovation Summit for Education pada 3 November 2012, Doha, Qatar.
- The World Bank. 2008. *Mena Development Report: The road not traveled education reform in the Middle East and North Africa*. Dicapai pada 02 September 2012 di http://news.bbc.co.uk/2/shared/bsp/hi/pdfs/04_02_08_world_bank_arab_education2.pdf

- Umar Yusuf Abdil Barr. 2001. *Jami' Bayan Al-'Ilmi wa Fadhlihi Jilid I*. Riyadh: Daar Ibnul Jauzi.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan budaya ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wlodkowski, J. R. 2001. Developing motivation for lifelong learning. *The Learning Revolution*, Winter 2001, 40-45.
- Woolhouse. R. S. 2003. Locke. Dalam Nicholas Bunnin & E.P. Tsui-James (Eds.). *The Blackwell companion to philosophy second edition*. Malden: Blackwell Publishing.
- Yusuf al-Qaradawi. 2010. *Islam: An introduction*. The Other Press.